

PERANAN BIOSEKURITI DAN KUARANTIN TUMBUHAN

disediakan oleh:

**Hjh Julia Hj Lamdin, Timbalan Pengarah Pertanian (Bahagian Penyelidikan),
Jackson Jaimi, Penolong Pengarah Pertanian (Seksyen Biosekuriti dan Kuarantin
Tumbuhan) dan Joseph Fung, Pegawai Pertanian (Seksyen Biosekuriti dan Kuarantin
Tumbuhan), Ibu Pejabat Pertanian, Wisma Pertanian, KOTA KINABALU**

1. PENGENALAN

- 1.1 Negeri Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia kaya dengan sumber-sumber semulajadi seperti hutan, galian, fauna, flora hinggalah ke hidupan laut dengan keluasan tanah 73,610 km persegi. Seluas 2.1 juta hektar adalah sesuai untuk pertanian. Walaubagaimana pun hanya 1.25 juta hektar sahaja yang telah dimajukan untuk aktiviti pertanian. 70 peratus daripada penduduk negeri Sabah menetap di luar bandar di mana mereka terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan sektor pertanian.
- 1.2 Sektor pertanian dan perhutanan masih menjadi tonggak kepada ekonomi negeri Sabah dimana sumbangan terbesar adalah daripada tanaman Sawit serta pembalakan. Tanaman Sawit merupakan tanaman utama yang melibatkan kawasan seluas 1,712,960.3 ha (DOA, 2016) dan diikuti dengan tanaman Getah (160,646 ha), Kelapa (16,600.3), Koko (6,901.9 ha), Kopi (1,221.9 ha), dan tanaman makanan (65,053.9 ha). Permintaan yang tinggi dan kukuh terhadap minyak sawit di pasaran antarabangsa akan mempergiatkan lagi pertumbuhan industri ini yang mana sektor pertanian menyumbangkan 30 peratus daripada Jumlah Pengeluaran Dalam Negeri dan menyediakan 33 peratus peluang pekerjaan serta 35 peratus jumlah pendapatan eksport negeri.
- 1.3 Sektor pertanian dijangka memperolehi sumber kekayaan baru dengan perkembangan industri tanaman durian Musang King, Nanas MD2 dan Kelapa yang terdiri dari kelapa Matag dan kelapa Pandan. Ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif kerajaan termasuklah Plan Pembangunan Wilayah Selatan dan Plan Pembangunan Sandakan untuk menggalakkan pertumbuhan industri pertanian alaf baru. Aktiviti sedia ada Jabatan seperti

penggalakkan penanaman semula Sawit, pemulihan tanah sawah terbiar dan bantuan penanaman semula buah-buahan serta pelbagai insentif kerajaan akan merancakkan lagi pertumbuhan industri pertanian di negeri ini.

- 1.4 Bagi menampung keperluan bahan tanaman, negeri Sabah terpaksa mengimport bahan tanaman dalam pelbagai bentuk seperti biji-benih, anak semaian, pokok cantuman, keratan, tut, mata-tunas, polen, kultura tisu (plantlet), ramet dan sebagainya daripada luar Sabah. Selain dari itu, terdapat permintaan dari sektor pertanian termasuk pihak swasta, agensi penyelidikan serta universiti atau kolej memohon untuk mengimport bahan-bahan tanaman dari luar negara untuk tujuan penyelidikan, pembiakan dan pembangunan.
- 1.5 Disebabkan oleh kemasukan dan pengimportan pelbagai bentuk bahan tanaman, negeri ini terdedah kepada risiko biosekuriti yang amat tinggi terutama sekali ancaman perosak-perosak asing berbahaya yang mungkin dibawa masuk bersama dengan bahan-bahan tanaman tersebut dan seterusnya perebakan perosak asing berlaku negeri ini. Perkara ini perlu dihalang dari berlaku melalui peruntukan undang-undang yang ketat dan penguatkuasaan oleh jabatan atau agensi yang berkalibar.

2. PERANAN JABATAN PERTANIAN DALAM MENANGANI RISIKO ANCAMAN PEROSAK

- 2.1 Bagi menyelamatkan dan melindungi sektor pertanian negeri Sabah dari ancaman serta serangan perosak berbahaya terutama sekali Spesis Asing Berbahaya (Invasive Alien Species-IAS), Jabatan Pertanian Sabah bertanggungjawab dalam menguatkuasakan Akta Kuarantin 1976 [Akta 167], Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan (Pindaan) 1993 - P.U.(A) 329/93, Peraturan-Peraturan Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan Berbahaya (Import dan Eksport) 1981 - P.U.(A) 74/81.
- 2.2 Pelaksanaan aktiviti Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan melibatkan tiga (3) peringkat keselamatan iaitu pra-sempadan (pre-border) selaku peringkat pertahanan yang pertama (first level of defence), sempadan (border) selaku peringkat pertahanan kedua (second

level of defence) dan lepas sempadan (post-border) selaku peringkat pertahanan ketiga atau terakhir (third level of defence).

- 2.3 Kaedah pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang kuarantin di negeri ini adalah sama dengan negeri Sarawak. Walaubagaimana pun, terdapat sedikit perbezaan pelaksanaan di Semenanjung Malaysia dan W.P Labuan, di mana aktiviti penjagaan pintu-pintu masuk kuarantin atau sempadan (border) adalah dikawal oleh Bahagian Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan menggunakan pakai Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] (Akta MAQIS). Akta 728 ini tidak dikuatkuasa di negeri Sabah dan Sarawak, kerana peranan penjagaan pintu-pintu masuk di kedua-dua negeri ini adalah dibawah tanggungjawab Jabatan/agensi kerajaan negeri masing-masing.
- 2.4 Jabatan Pertanian Sabah melalui Seksyen Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan diberi kuasa selaku jabatan pelaksana bagi menguatkuasa akta-akta dan peraturan-peraturan berkaitan kuarantin. Tanggungjawab dan punca kuasa yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian adalah berlandaskan pada Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.
- 2.5 Penguatkuasaan undang-undang ini adalah amat penting untuk mengurangkan risiko kemasukan serangga perosak dan penyakit berbahaya termasuk rumpai-rumpai berbahaya dari luar negeri ke negeri Sabah. Selain dari itu, ianya juga amat penting untuk mengawal pergerakan tumbuh-tumbuhan demi mencegah kemerebakan dan membasmi serangga dan penyakit atau rumpai berbahaya apabila berlaku serangan di sesuatu kawasan.
- 2.6 Pada masa ini pegawai, kakitangan dan Merinyu Kuarantin yang menguatkuasa Akta dan Undang-undang Kuarantin ditempatkan di Seksyen Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan Ibu Pejabat Kota Kinabalu, Stesen Kuarantin Tumbuhan Kinarut dan tujuh (7) daerah yang mempunyai pintu-pintu masuk kuarantin yang telah diwartakan iaitu Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Kudat, Semporna, Kuala Penyu (Menumbok) dan Sipitang. Merinyu Kuarantin ditempatkan di pintu-pintu masuk kuarantin yang telah diwartakan bagi mengawal dan melindungi keselamatan industri pertanian di negeri ini.

3. PERUNTUKAN KUASA AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976 DAN PERATURAN-PERATURAN KUARANTIN TUMBUHAN 1981

Akta kuarantin adalah “An Act to amend and consolidate the laws relating to the control, prevention and eradication of agricultural pests, noxious plants and plant diseases and to extend co-operation in the control of the movement of pests in international trade and for matters connected therewith. [12 March 1976]”

3.1 Difinisi

3.1.1 Biosekuriti

Biosekuriti merupakan pendekatan strategik dan bersepadu untuk menganalisis dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan kehidupan dan kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan serta risiko yang berkaitan alam sekitar.

“Biosecurity is a strategic and integrated approach to analyse and manage relevant risks to human, animal and plant life and health and associated risks for the environment”.

3.1.2 Biosekuriti Tumbuhan

Biosekuriti Tumbuhan adalah satu set langkah-langkah yang dirancang untuk melindungi sesuatu tanaman, keseluruhan tanaman atau sub-kumpulan tanaman dari perosak tumbuhan di peringkat ladang individu, kebangsaan dan serantau.

“Plant Biosecurity is a set of measures designed to protect a crop, crops or a sub-group of crops from emergency plant pests at national, regional and individual farm levels”.

3.1.3 Kuarantin Tumbuhan

Kuarantin Tumbuhan merupakan satu sekatan pergerakan menurut undang-undang ke atas komoditi dengan tujuan untuk menghalang kemasukan makhluk perosak tumbuhan di kawasan yang diketahui tidak wujudnya makhluk perosak tersebut.

“Plant Quarantine is a restrictions according to law imposed on commodities in order to prevent or impede the incursion of dangerous pests into an area known to be free from that pests”.

3.2 Aktiviti Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan

Kawalan pergerakan komoditi pertanian dan barang-barang terkawal (regulated articles) dikendalikan di tiga peringkat operasi yang melibatkan operasi pra- sempadan, sempadan dan lepas sempadan mengikut peraturan-peraturan dan perundangan negara serta antarabangsa yang sedia ada.

3.2.1 Pra-Sempadan (*Pre-Border*)

Aktiviti pra-sempadan melibatkan kajian risiko perosak (pest risk analysis-PRA) yang memerlukan jabatan menghantar kumpulan pegawai yang terdiri daripada pegawai penyelidik dan pegawai biosekuriti ke lokasi sesuatu negara bagi menjalankan pemeriksaan “fact finding at source” dan “pre-clearance” bagi mendapatkan maklumat “pathway” perosak asing berbahaya yang mungkin terbawa bersama konsainan. Perkara ini hanya terpakai bagi pengimportan kali pertama daripada negara pengeksport sedia ada atau negara baharu yang mana konsainan tersebut belum pernah diimport ataupun berlaku kemerebakan perosak dan penyakit di negara tersebut. Sebarang hasil penemuan PRA akan dijadikan asas kepada penentuan syarat-syarat import yang akan dimasukkan di dalam Permit Import yang bakal dikeluarkan.

3.2.2 Sempadan (*Border*)

Pengawalan sempadan negeri Sabah melibatkan 18 pintu masuk kuarantin yang telah diwartakan di dalam Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981. Semua aktiviti pemeriksaan konsainan dan dokumen import serta pengambilan sampel adalah dilakukan di pintu masuk sempadan bersama agensi penguatkuasa lain seperti jabatan Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS).

3.2.3 Lepas Sempadan (*Post-Border*)

Aktiviti lepas sempadan melibatkan pemantauan, pengawalan, pembendungan dan penghapusan perosak dan penyakit yang berlaku di dalam negeri Sabah. Aktiviti lepas sempadan merangkumi pemantauan, pengawasan dan pelaporan oleh Pejabat-pejabat

Pertanian Daerah bagi kes-kes melibatkan kejadian wabak atau penemuan perosak asing seperti “Banana Blood Disease” (BDB) dan rumpair *Salvinia molesta*.

3.3 Kepentingan Pelaksanaan Akta Kuarantin

Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 adalah bertujuan untuk mencegah kemasukan dan kemerebakan perosak tumbuhan, mengawal, menyekat dan menghapuskan makhluk-makhluk perosak tumbuhan yang telah berjaya masuk dan menyerang tanam-tanaman. Di samping itu juga memudahcara pengeksporan hasil-hasil pertanian negara dengan memastikan bahawa bahan-bahan tanaman yang dieksport memenuhi peraturan-peraturan kuarantin negara pengimport melalui pengeluaran Sijil Fitosanitasi yang kompeten dan diterima di peringkat antarabangsa. Pelaksanaan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 di Malaysia meliputi tiga (3) kawasan komponen iaitu Semenanjung Malaysia (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan), Sarawak dan Sabah.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta dan Peraturan-peraturan Kuarantin juga amat penting dalam mengawal dan membendung perosak kuarantin sedia ada dalam negara yang endemic seperti penyakit Mati Rosot Betik (disebabkan oleh bakteria *Erwinia papayae*), Layu Bakteria Pisang (Moko dan Banana Blood Disease) yang disebabkan oleh bacteria *Ralstonia solanacearum*, Kumbang Khapra (*Trogoderma granarium*), Siput Gondang Emas (*Pomocea canaliculata*; *Pomocea insularis*), “Red Palm Weevil” (*Rhynchophorus ferrugineus*), kiambang air (*Salvinia molesta*) dan sebagainya.

3.3 Kepentingan dan Impak Kepada Ekonomi Negeri Sabah

Industri pertanian negeri Sabah yang dijangka meningkat setiap tahun sentiasa terdedah kepada ancaman perosak berbahaya yang di bawa bersama melalui tumbuh-tumbuhan dan komoditi pertanian di pintu-pintu masuk yang sah mau pun tidak. Keadaan ini boleh memberi kesan pada kesihatan dan keselamatan industri pertanian dan akan menyebabkan kerugian besar yang boleh menjejaskan ekonomi negeri Sabah khususnya dan Negara Malaysia amnya.

Kemasukan bahan pertanian yang tidak terkawal berpotensi memusnahkan industri pertanian seluas 1,963,440.2 ha (DOA, 2016) di negeri Sabah. Risiko yang amat tinggi adalah pada tanaman Sawit yang merangkumi 90.7% (1,712,960.2 ha) dari kawasan pertanian di negeri ini diikuti oleh getah (160,646 ha), padi (40,355 ha), kelapa (16,600.3 ha), Koko (6,901.9 ha), Kopi (1,221.9 ha), Teh (413.5 ha), Tembakau (55.9 ha) dan Tebu (49.8 ha). Kerajaan hendaklah bersiap sedia menghadapi ancaman dan risiko serangan perosak kuarantin berbahaya ini dari berlaku bagi mengelakkan kerugian berbillion ringgit.

Jika tanaman sawit seluas 1,712,960.3 ha musnah diserang perosak, maka industri sawit bakal kerugian RM11,667,102,108 dalam bentuk buah segar atau pun anggaran pulangan CPO bernilai RM 14,481,145,422. Beberapa perosak kuarantin yang amat berbahaya dan berisiko tinggi perlu diawasi dan dihalang agar tidak menembusi negeri ini. Kakitangan Seksyen Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan (PBQ) perlu sentiasa peka, kompeten dan tegas dalam menjaga sempadan-sempadan kuarantin terutama di pintu-pintu masuk sedia ada. Beberapa perosak kuarantin berbahaya perlu dihalang dari menembusi negeri ini. Antara perosak kuarantin yang wajib di awasi agar tidak menembusi ke negeri ini ialah “vascular wilt disease” (*Fusarium oxysporium* f.s *elaeidis*) yang mana telah memusnahkan industri sawit di Afrika, “bud rot” (*Phytophthora palmivora*) yang telah melumpuhkan industri sawit di negara-negara Amerika Tengah dan Amerika Selatan dan juga beberapa perosak seperti CCVd dan Red Palm Weevil yang berpotensi melumpuhkan keseluruhan industri sawit di negeri ini jika serangan berlaku.

Bagi tanaman getah yang seluas 160,646 ha dengan keluaran hasil 26,513.4 tan di negeri ini pula, perlulah dipertahankan dari menghadapi risiko ancaman kemasukan Penyakit South American Leaf Blight (SALB) yang amat berbahaya dari negara Amerika Selatan seperti Brazil. Terdapat peraturan-peraturan yang amat jelas dan ketat dalam Peraturan-Peraturan Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan Berbahaya (Import dan Eksport) 1981 - P.U.(A) 74/81 bagi menghalang kemasukan penyakit SALB ke negeri ini seperti pada Lampiran 3.

Selain dari tanaman sawit dan getah yang menjadi tunjang ekonomi negeri Sabah, tanaman lain juga perlu dillindungi dari menghadapi ancaman perosak-perosak berbahaya terutama

sekali Spesies Asing Berbahaya (Invasive Alien Species-IAS) seperti yang telah dikenalpasti dalam “*National Action Plan for Prevention, Eradication, containment and control of Invasive Alien Species (IAS) in Malaysia*” (NWG on IAS, 2013) dan beberapa dokumen yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh EPPO dan NPPO.

3.4 Kaedah Pengawalan Kemasukan

Di bawah pelaksanaan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981, terdapat beberapa kaedah untuk mengawal pergerakan konsainan iaitu tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel pertanian terkawal termasuklah bahan-bahan tanaman/tumbuhan melalui kaedah kawalan seperti:

- i) Pengeluaran Permit Import (IP);
- ii) Syarat-syarat import seperti pengistiharaan bebas sesuatu perosak kuarantin dan kaedah rawatan dinyatakan dalam IP;
- iii) Syarat tambahan IP – Konsainan import mesti disertakan dengan Sijil Fotosanitasi (PC) dari negara pengeksport yang mengesahkan konsainan telah dirawat sesuai dengan syarat IP dan bebas perosak dan penyakit;
- iv) Pemeriksaan konsainan bahan pertanian di pintu-pintu masuk;
- v) Pemeriksaan lanjut di Stesen Kuarantin Selepas Masuk diwajibkan bagi kes-kes tertentu terutamanya yang melibatkan barangan import daripada negara berisiko tinggi.

Pengimportan bahan-bahan kawalan adalah merujuk kepada Peraturan 5 (1), Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981, iaitu:

5 (1): Pengimportan ke sesuatu kawasan komponen sesuatu tumbuhan atau sesuatu kompos akar atau media tumbuhan lain adalah di larang kecuali di bawah sesuatu permit yang terkandung dalam Jadual Pertama mengenai tumbuh-tumbuhan dan dalam Jadual Keenam mengenai kompos akar dan media tumbuhan lain yang dikeluarkan oleh Pengarah mengikut peraturan-peraturan ini dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Pengarah secara mengedaskan permit.

4. KUARANTIN SELEPAS MASUK (KSM)

4.1 Kuarantin Selepas Masuk adalah merupakan salah satu syarat permit import di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 yang dikenakan ke atas pengimportan bahan-bahan berikut:-

- bahan tanaman yang berisiko tinggi dicemari atau dijangkiti perosak-perosak asing;
- bahan tanaman yang belum pernah diimport atau;
- bahan tanaman dari kawasan yang terdapat perosak amat berbahaya iaitu rantau Amerika Tropika dan Afrika Tengah terutama bahan tanaman kelapa sawit, getah, koko dan kelapa;
- Organisma berfaedah dan agen kawalan biologi.

4.2 Semasa dalam KSM, bahan-bahan tersebut dikenakan ujian-ujian penyaringan dan pemerhatian perosak seperti virus, kulat, bakteria, nematod, serangga, hamama dan biji rumpai asing bagi memastikan bahan tersebut bebas perosak kuarantin dan selamat, sebelum diserahkan kepada pengimport untuk ditanam di ladang.

4.3 Kepentingan KSM tidak dapat dinafikan kerana tanpa langkah-langkah pemerhatian dan penyaringan selepas pengimportan, perosak-perosak tumbuhan berisiko tinggi dibawa masuk, menjangkiti tumbuhan-tumbuhan dalam negara dan akibatnya menjejaskan mutu dan hasil pengeluaran sektor pertanian. Kerosakan yang dialami bukan sahaja menjejaskan pendapatan petani, malah keselamatan pengeluaran makanan turut terjejas dan hasil pertanian juga tidak dapat dieksport.

4.4 KSM merupakan benteng terakhir (selepas rawatan, kuarantin negara ketiga dan pemeriksaan di pintu masuk) bagi menghalang kemasukan perosak kuarantin memasuki negara melalui konsainan yang diimport.

5. PERATURAN-PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia di Kuala Lumpur telah diiktiraf oleh *International Plant Protection Convention (IPPC)* sebagai *National Plant*

Protection Organization (NPPO) Malaysia yang bertanggungjawab untuk melaksanakan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh IPPC untuk memenuhi keperluan *Sanitary Phytosanitary Agreement* (SPS) dan *World Trade of Organization* (WTO) serta *Montreal Protocol* untuk melindungi tumbuhan dan haiwan yang didagangkan daripada perosak-perosak berbahaya. WTO ditubuhkan pada 1 Januari 1995 dan ia merupakan satu badan antarabangsa yang menyeleras peraturan-peraturan perdagangan antara negara. Salah satu ketentuan SPS pula adalah piawaian antarabangsa yang diimplementasikan dalam *International Standard for Phytosanitary Measures* (ISPM) yang memuatkan persyaratan teknikal (standard) dalam menjamin kesihatan tumbuhan/produk pertanian yang diperdagangkan.

Setakat ini WTO dianggotai oleh 164 ahli dengan objektif untuk :-

- Membolehkan perdagangan bebas di antara negara-negara
- Sebagai forum untuk perundingan perdagangan (trade negotiation)
- Sebagai forum untuk menyelesaikan perselisihan dalam perdagangan antara negara-negara.
- Memberi bantuan teknikal dan latihan kepada negara-negara membangun

5.1 SANITASI DAN FITOSANITASI (SPS)

5.1.1 Perjanjian SPS

- Bagi menembusi pasaran luar Negara, beberapa peraturan yang berdasarkan prinsip saintifik dan disahkan oleh standard antarabangsa iaitu IPPC perlulah dipatuhi;
- Peraturan hanya perlu diamalkan setakat tahap yang diperlukan untuk melindungi nyawa dan kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan. (Sanitasi berkaitan dengan kesihatan manusia dan haiwan manakala Fitosanitasi berkaitan dengan kesihatan tumbuhan).
- Bagi mengelakkan mana-mana Negara menggunakan fitosanitasi sebagai halangan perdagangan (trade barrier) secara tidak berpatutan, dalam usaha untuk melindungi industri pertanian domestik daripada persaingan import.

5.1.2 Apa Yang Perlu Dilakukan Di bawah Perjanjian SPS?

- Negara pengeksporth perlu memberi maklumat perosak bagi produk pertanian yang ingin dieksporth. Negara pengimport perlu melaksanakan “Pest Risk Analysis” bagi produk pertanian yang ingin diimport, sekiranya terdapat perosak dalam negara pengeksporth yang masih belum ada di negara pengimport;
- Kaedah *Phyosanitary* yang diamalkan perlu akur kepada “International Standards/ guidelines for Phytosanitary Measures” (ISPM). WTO mengiktirafkan IPPC (International Plant Protection Convention) sebagai badan untuk menetapkan ‘standard’ antarabangsa bagi “phytosanitary measures”;
- Rawatan Kuarantin perlu mematuhi ISPM yang telah ditetapkan (Contoh seperti fumigation, vapour heat treatment, cold treatment, hot water treatment dan irradiation);
- Produk dieksporth perlu mematuhi keperluan MRL di bawah skim Codex.

5.1.3 Langkah-langkah Sanitasi dan Fitosanitasi yang lebih ketat dilaksanakan untuk:

- Memastikan konasinan import seperti tumbuhan, buah-buahan dan sayur-sayuran bebas daripada perosak-perosak tanaman berbahaya
- Memastikan buah-buahan dan sayur-sayuran import selamat untuk dimakan
- Membolehkan buah-buahan dan sayur-sayuran keluaran tempatan lebih berdaya saing berbanding dengan produk-produk import.

5.2 INTERNATIONAL STANDARD FOR PHYTOSANITARY MEASURES (ISPM)

Setakat ini sebanyak 42 standard telah dikeluarkan oleh IPPC untuk panduan negara-negara yang tersenarai dalam perjanjian sebelum ini, di mana setiap standard mempunyai fungsi yang berbeza-beza. Pada masa ini ISPM No. 15 (2009), “*Regulation of wood packaging material in international trade*” sedang hangat diperbincangkan dan negeri Sabah tidak terlepas dari mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Pada masa ini banyak notifikasi berkaitan ISPM 15 telah diterima oleh Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Jabatan

Pertanian Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak. Selain dari itu, beberapa pelanggaran terhadap pelaksanaan ISPM 15 berlaku di dalam negara ia itu di antara komponen terutama sekali dari W.P. Labuan. Bagi mengelakkan pelanggaran piawaian yang telah ditetapkan beberapa siri penerangan dan latihan telah dilaksanakan.

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pre-clearance memerlukan kumpulan pegawai pemeriksa daripada Jabatan Pertanian mematuhi dua standard antarabangsa iaitu ISPM no 2 (2007): “Framework for pest risk analysis” dan ISPM no 11 (2013): “Pest risk analysis for quarantine pests”.

5.3 PROTOKOL MONTREAL

Protokol Montreal merupakan satu perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala (MEAs) diperingkat antarabangsa yang melibatkan 191 buah negara yang bersetuju untuk menggunakan Protokol Montreal. Protokol ini dibentuk bagi menangani masalah penipisan lapisan ozon global bagi mencapai pembangunan mapan dalam melindungi habitat manusia dan Alam Sekitar.

Beberapa bahan telah dikenalpasti berupaya memusnahkan lapisan ozon seperti klorokarbon (CFC), Hidroklorofluorokarbon (HCFC), Halon, Metil Bromida dan karbon Tetraklorida. Pada masa ini, Metil Bromida banyak digunakan untuk tujuan rawatan kuarantin. Oleh itu mengikut Perjanjian Protokol Montreal, penggunaan bahan yang boleh memusnahkan lapisan ozon akan diharamkan berkuatkuasa mulai Januari 2015.

5.3.1 Isi kandungan Protokol Montreal

Setiap negara anggota kepada Protokol Montreal perlulah:

- Mengenalpasti pelepasan secara meluas bahan-bahan pencemar udara yang boleh menipiskan ozon dan secara tidak langsung memberi kesan sempingan kepada kesihatan manusia dan alam sekitar;
- Tegass dalam melindungi lapisan ozon dengan mengambil langkah pencegahan awal untuk mengawal pelepasan bahan-bahan pencemar global. Antaranya dengan meningkatkan pengetahuan saintifik dengan mengambilkira kemajuan teknikal dan

ekonomi negara-negara sedang membangun;

- Memperakui bahawa peruntukan khas adalah amat diperlukan bagi memenuhi keperluan negara-negara sedang membangun, Ini termasuk peruntukan dari segi bantuan sumber kewangan dan teknologi baru;
- Bersetuju dengan siri langkah-langkah menghadkan penghasilan dan penggunaan bahan-bahan yang menipis lapisan ozon;
- Bersetuju dengan siri langkah-langkah menghadkan penghasilan dan penggunaan bahan-bahan yang menipiskan lapisan ozon;
- Harus mematuhi kawalan perdagangan yang telah ditetapkan iaitu berhenti daripada mengeksport atau mengimport bahan-bahan yang mengandungi bahan yang boleh menipiskan ozon global.

6. STRATEGI PENGUATKUASAAN AKTA DAN PERATURAN KUARANTIN

6.1 Strategi Memperketat Langkah-Langkah Fitosanitasi

- 6.1.1 Pengimportan dari negara rakan dagang tradisi - pindaan syarat import berasaskan justifikasi teknikal (pemintasan perosak pada konsainan)
- 6.1.2 Pengimportan dari negara yang belum pernah mengeksport ke Malaysia atau komoditi yang belum pernah diimport oleh Malaysia
- 6.1.3 Mengetatkan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara / negeri
- 6.1.4 Meminda Akta dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan

6.2 Memperketat prosedur pengimportan dari negara yang belum pernah mengeksport ke Malaysia atau jenis tumbuhan/varieti baru

6.2.1 Syarat-syarat Pengimportan

6.2.1.1 Analisa Risiko Perosak (PRA) – wajib dilakukan bagi

- Semua tumbuhan dari negara yang belum pernah mengeksport ke Malaysia;
- Jenis /varieti tumbuhan yang belum pernah diimport dari negara rakan dagang tradisi;

- Semua jenis bahan tumbuhan untuk ditanam (contoh benih padi hybrid, anak-anak pokok);
- Semua jenis bahan berisiko tinggi (contoh Mikroorganisma);
- Negara pengeksporth perlu menghantar senarai perosak berkaitan komoditi yang hendak dieksporth;
- Analisa Risiko Perosak dijalankan oleh negara pengimport untuk mengenalpasti jenis risiko dan menetapkan kaedah pengurusan perosak agar pengimportan tidak akan menjejaskan industri pertanian negara;
- Negara pengeksporth menyediakan laporan dan membuktikan mereka berupaya melaksana kaedah pengurusan risiko perosak yang berkesan. (Contoh mempunyai kemudahan rawatan disinfestasi atau membangunkan kawasan bebas perosak);
- Syarat-syarat Import dikeluarkan melalui Permit Import.

6.2.1.2 Pre-Clearance

Merupakan aktiviti pre-border yang amat penting dan aktiviti ini melibatkan pemeriksaan ladang, packing house atau fasiliti rawatan kuarantin di negara pengeksporth dan ianya perlu dilakukan untuk memastikan pelaksanaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh negara pengimport.

6.3 **Impak mengetatkan Langkah-Langkah SPS**

- Dapat membendung kemasukan perosak tumbuhan dengan lebih berkesan;
- Kos bahan-bahan import akan meningkat berikutan perlaksanaan langkah-langkah SPS di negara pengeksporth seperti rawatan dan pengurusan risiko perosak;
- Negara-negara yang tidak dapat mematuhi keperluan SPS tidak dapat mengeksporth ke Malaysia;
- Pengurusan pemeriksaan terutama bagasi penumpang akan lebih mudah;
- Boleh mengurangkan pengimportan buah-buahan dan sayuran;
- Hasil-hasil pengeluaran dalam negara akan lebih berdaya saing.

7. SOROTAN SEJARAH/GARISAN MASA PENCAPAIAN BESAR JABATAN PERTANIAN

Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan iaitu dari RMKe-9 hingga RMKe-10, Jabatan Pertanian telah menunjukkan kredibiliti selaku jabatan yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981. Pada awal tahun 1980an, Jabatan telah berjaya menggunakan Akta dan peraturan sedia ada dengan baik untuk mengawal dan memusnahkan perosak “cocoa pod borer” dan “Cocoa Vein Banding“ pada tanaman koko serta *Phytophthora palmivora* pada tanaman lada hitam di Sipitang.

Pada tahun 1989, Akta dan Peraturan sedia ada telah digunakan untuk membendung perebakan penyakit merah virus pada tanaman padi di daerah Membakut dan seterusnya menghapuskan sumber-sumber penyakit merah virus yang wujud di daerah tersebut.

